

13/05/2002

Generasi muda harapan Umno

AMANAT Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya generasi muda Umno berganding bahu bagi memastikan parti itu terus relevan sebagai peneraju utama negara perlu diberi perhatian serius oleh generasi pelapis hari ini. Generasi muda hendaklah bergerak bersepadu seia sekata bagi meneruskan perjuangan generasi terdahulu dan masa kini. Dr Mahathir membuat ingatan itu tentulah berasaskan kepada kelesuan semangat di kalangan pemimpin muda Umno untuk terus memperjuangkan masa depan bangsa dan negara. Dalam dunia yang penuh godaan ini, pemimpin muda mudah gelap mata dan lebih memperjuangkan kepentingan diri sendiri daripada menegakkan maruah bangsa. Sekiranya generasi muda hari ini terus leka dibuai mimpi, jangan harap Umno akan terus disegani dan disanjung tinggi sebagai parti berkuasa di negara ini. Perdana Menteri memberi ingatan itu kerana kecewa apabila ramai generasi muda hari ini tidak sedar bahawa Ummolah yang menyelamatkan mereka daripada diperhambakan dan dijadikan puak minoriti di negara sendiri.

Amanat Presiden Umno ketika berucap kepada lebih 50,000 ahli Umno pada perhimpunan sempena menyambut Ulang Tahun Umno ke-56 di Shah Alam, kelmarin, perlu dilihat dan diteliti oleh generasi muda kerana mereka adalah generasi yang akan meneruskan warisan cemerlang Umno pada masa depan. Merekalah harapan bangsa untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia supaya boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain di dunia. Oleh itu, generasi muda sekarang jangan mudah lupa dan lalai dalam melaksanakan amanat penting itu. Segala harapan diletakkan di bahu mereka bagi meneruskan perjuangan parti dan terus mengukuhkan kedudukannya Umno sebagai parti terulung dan terbilang di negara ini.

(END)